

# PELANCARAN 'WUF9 TRAIN' DAN KEMPEN 'WUF9 SUSTAINABLE URBAN MOBILITY IN MAKING OUR FUTURE CITIES GREEN AND CONNECTED'



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan 'WUF9 Train' dan Kempen 'WUF9 Sustainable Urban Mobility In Making Our Future Cities Green And Connected' pada 18 Disember 2017 bertempat di Stesen LRT Putra Heights.

'WUF9 Train' ini merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh KPKT melalui URBANICE Malaysia yang merupakan Sekretariat Lokal penganjuran Forum Bandar Sedunia ke-9 (The 9<sup>th</sup> Session of the World Urban Forum, WUF9), bertujuan untuk mempromosikan penganjuran WUF9 yang akan berlangsung pada 7 hingga 13 Februari 2018. Pemilihan laluan Putra Heights ke Gombak ini adalah kerana dianggarkan seramai 10 juta orang penumpang sebulan

menggunakan perkhidmatan LRT di laluan ini dan promosi ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada orang ramai akan acara persidangan WUF9 ini selain menjadi mod pengangkutan para peserta forum nanti.



'WUF9 Train' ini membawa mesej 'Bandar 2030, Bandar Inklusif: Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu' yang merupakan tema bagi Forum Bandar Sedunia kali ini.

Pada Persidangan WUF9 nanti, Kerajaan amat menggalakkan agar para peserta dan pengunjung untuk menggunakan sekerap mungkin pelbagai mod pengangkutan awam yang tersedia ada, berbasikal melalui laluan khas yang disediakan dan juga berjalan ke tempat berlangsungnya persidangan supaya kempen keselamatan dan mobiliti hijau menjadi satu permulaan yang baik buat penduduk bandar. Selain itu, amalan ini juga melatih penduduk bandar untuk mempraktikkan gaya hidup hijau dan sihat bagi memastikan bandar yang didiami terus rendah karbon dan mampan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT